



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)
KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN (JUALAN SISA)
ASET ALIH KERAJAAN



1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN ASET	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN ASET	PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP TAWARAN
1.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/324 <i>Fire Rescue Tender (FRT)/</i> Scania/P94 DB4x2 No. Pen. Kenderaan : WHK 9465 No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/B-PT-1/H/00/1	221902	Tarikh : 20 Mei 2025 – 2 Jun 2025 Masa : 9.00 pagi hingga 3.00 petang Tempat : Bahagian Kejuruteraan Jentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, Persiaran Sultan, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor	Tarikh: 20 Mei 2025 – 2 Jun 2025 Masa: 9.00 pagi hingga 3.00 petang Tempat : Unit Pentadbiran Am, Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, No. 3 Persiaran Tebar Layar, Seksyen U8, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor BAYARAN RM50.00 (Setiap Dokumen Tender) Wang TIDAK akan dikembalikan Bank Draf atas Nama : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor Penyelaras Dokumentasi : Puan Nurul Wasimah binti Azizan (03-78464148 ext. 116)	Tarikh Tutup : 2 Jun 2025 Masa : 12.00 tengah hari Tempat : Unit Pentadbiran Am, Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, No. 3 Persiaran Tebar Layar, Seksyen U8, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor
2.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/324 <i>Light Fire Rescue Tender</i> (LFRT)/ DIESEL/ 906.919-00- 666539 No. Pen. Kenderaan : BJS 3045 No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/B-PT-6/H/08/1		Penyelaras Lawatan Tapak : Encik Mohd Zamri bin Abdullah (012-6764576)		

2. **Kaedah jualan sisa bermaksud Aset Alih yang tidak boleh digunakan dalam bentuk dan fungsi asalnya.** Kaedah jualan sisa tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). JBPM akan memaklumkan kepada pihak JPJ untuk pembatalan pendaftaran kenderaan selepas proses jualan sisa selesai.
3. Jualan sisa hanya ditawarkan kepada syarikat sahaja. **Orang perseorangan adalah tidak dibenarkan** untuk membuat tawaran harga.
4. Aset akan dijual kepada syarikat yang menawarkan harga tertinggi dan tertakluk kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221902 [Barang Lusu (Perlu Permit)].
5. Pendaftaran syarikat bagi kod bidang 221902 [Barang Lusu (Perlu Permit)] adalah tertakluk kepada Permit Polis (Pol.104a) di Negeri-negeri yang menguatkuasakan Lesen Akta Barang Lusu 1946.
6. Petender hendaklah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM10,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit tender hendaklah dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor** dan perlu dibayar berasingan kepada **kenyataan Tawaran Tender yang dikemukakan.**
7. Tawaran tanpa/ kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.

8. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*). Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
9. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh petender yang berjaya.
10. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
11. Petender yang berjaya perlu menyelesaikan bayaran taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
12. Petender yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil JBPM di Cawangan JPJ.
13. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
14. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di dalam web <https://www.bomba.gov.my>

**KETUA PENGARAH,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA**